

SULIT

3756/1

**3756/1
Prinsip
Perakaunan
Kertas 1
Oktober
2020
1 ¼ jam**

**PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN
NEGERI PERLIS
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2020**

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan*
2. *Jawab **semua** soalan*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C dan D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak

3756/1



Koleksi Percubaan PPA SPM 2020

**[Lihat disebelah
SULIT]**

- 1 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Sarhan.

Membayar sewa sebanyak RM450 setiap bulan

Apakah andaian perakaunan yang berkaitan dengan maklumat tersebut?

- A Ketekalan
 B Usaha berterusan
 C Wang sebagai ukuran
 D Pengiktirafan hasil dan belanja
- 2 Maklumat berikut merujuk kepada ciri-ciri bagi entiti perniagaan.

- Tanggungan Liabiliti : Terhad
- Pemilikan : 1 hingga 50 orang
- Hayat perniagaan : Berterusan

Apakah perniagaan yang mempunyai ciri-ciri tersebut?

- A Kedai Burger Ramli
 B Tetuan Ahmad, Lim & Ravi
 C Koperasi Kakitangan Awam Berhad
 D Syarikat Pharma Tani Sendirian Berhad
- 3 Pilih padanan yang betul. Telegram @soalanpercubaanspm

	Jenis Akaun	Kategori Akaun	Baki
A	Dividen	Belanja operasi	Kredit
B	Faedah atas overdraf bank	Belanja bukan operasi	Debit
C	Komisen jualan	Hasil operasi	Debit
D	Insurans	Hasil bukan operasi	Kredit

4. Urus niaga berikut diperoleh daripada Perniagaan Qusairy.

Menjelaskan hutang kepada Pembekal Rosman sebanyak RM3 800 dan menerima diskaun sebanyak RM200.

Apakah kesan urus niaga tersebut terhadap persamaan perakaunan?

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
A	(RM3 800)	(RM3 800)	(RM200)
B	+RM3 800	+RM3 800	+RM200
C	(RM3 800)	(RM4 000)	+RM200
D	+RM3 800	(RM4 000)	(RM200)

5. Apakah item yang dikategorikan sebagai Aset Semasa?
- A Gadai janji
 - B Komisen belum terima
 - C Sewa belum terperoleh
 - D Faedah atas pinjaman belum bayar
6. Antara berikut, manakah dokumen yang melibatkan perekodan urus niaga di sebelah kredit Buku Tunai?
- I Nota kredit
 - II Keratan cek
 - III Makluman kredit
 - IV Baucar pembayaran
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

Soalan 7 dan 8 adalah berdasarkan kepada dokumen daripada Buku Perniagaan SMART.

Tarikh	:	16 Mei 2020															
Penerima	:	Perniagaan SMART															
Untuk	:	Kegunaan Perniagaan															
<table> <tr> <td>Baki akhir</td><td>23 000</td><td>00</td></tr> <tr> <td>Deposit</td><td>3 000</td><td>00</td></tr> <tr> <td>Jumlah</td><td>26 000</td><td>00</td></tr> <tr> <td>Cek ini</td><td>2 500</td><td>00</td></tr> <tr> <td>Baki</td><td>23 500</td><td>00</td></tr> </table>			Baki akhir	23 000	00	Deposit	3 000	00	Jumlah	26 000	00	Cek ini	2 500	00	Baki	23 500	00
Baki akhir	23 000	00															
Deposit	3 000	00															
Jumlah	26 000	00															
Cek ini	2 500	00															
Baki	23 500	00															
RHB 235762																	

Dokumen 1

7. Berapakah jumlah pengeluaran yang dibuat oleh Perniagaan SMART?
- A RM2 500
 - B RM3 000
 - C RM23 000
 - D RM26 000

8 Manakah catatan yang betul dalam Buku Tunai?

Buku Tunai							
Tarikh	Butir	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Tunai	Bank
		RM	RM	2020		RM	RM
				Mei 16	Tunai		X

Buku Tunai							
Tarikh	Butir	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Tunai	Bank
		RM	RM	2020		RM	RM
				Mei 16	Bank	X	

Buku Tunai							
Tarikh	Butir	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Tunai	Bank
2020		RM	RM	2020		RM	RM
Mei 16	Tunai		X	Mei 16	Bank	X	

Buku Tunai							
Tarikh	Butir	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Tunai	Bank
2020		RM	RM	2020		RM	RM
Mei 16	Bank	X		Mei 16	Tunai		X

9 Petikan Akaun Kawalan Belum Bayar berikut diperolehi daripada buku perniagaan Thaif Enterprise pada bulan September 2020.

Akaun Kawalan Belum Bayar			
2020	RM	2020	RM
Sept 30	X	Sept 1	Baki b/b
		30	Y
			1820

Padanan manakah yang betul ? Telegram @soalanpercubaanspm

	X	Y
A	Pulangan Keluar	Jualan
B	Pulangan Masuk	Jualan
C	Pulangan Keluar	Belian
D	Pulangan Masuk	Belian

10 Butiran manakah yang dicatat dalam komponen Kos Jualan?

- I Belian
- II Jualan
- III Pulangan Keluar
- IV Pulangan Masuk

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

Soalan 11 dan 12 berdasarkan maklumat di bawah.

Berikut adalah petikan Imbangan Duga pada 30 September 2020 bagi sebuah perniagaan.

Imbangan Duga Pada 30 September 2020

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Belian dan Jualan	12 369	20 699
Komisen	511	868
Sewa	5 500	11 000

Pada 30 September 2020, didapati pemilik masih belum menjelaskan sewa RM500.

11 Berdasarkan Imbangan Duga tersebut, berapakah amaun bagi Sewa Diterima yang akan direkodkan dalam Akaun Untung Rugi perniagaan tersebut?

- A RM5 500
- B RM6 000
- C RM11 000
- D RM11 500

12 Apakah butir dan amaun yang akan direkodkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan?

- A Sewa prabayar RM500
- B Sewa belum bayar RM500
- C Sewa belum terima RM500
- D Sewa belum terperoleh RM500

- 13 Petikan Imbangan Duga berikut diambil daripada buku Perniagaan Darisha.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2019

Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Akaun Belum Terima	11 820	
Peruntukan hutang ragu		350

Maklumat tambahan:

Nota kredit yang dihantar kepada seorang pelanggan RM570 belum direkodkan. Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 4% atas Akaun Belum Terima bersih. Telegram @soalanpercubaanspm

Pilih komponen dan amaun yang betul bagi Peruntukan Hutang Ragu dalam Akaun Untung Rugi?

- A Belanja RM100
 - B Belanja RM450
 - C Hasil RM450
 - D Hasil RM100
- 14 Maklumat berikut diperolehi daripada DM Enterprise bagi tahun berakhir 31 Ogos 2020.

	RM
Premis	85 450
Kenderaan	55 500
Inventori 1 September 2019	2 147
Inventori 31 Ogos 2020	3 234
Akaun Belum Terima	5 169
Akaun Belum Bayar	3 539
Modal 1 September 2019	187 245
Ambilan	355
Bank	34 369
Insuran	1 200
Kadar bayaran	276

Maklumat di atas belum mengambil kira:

- (i) Susut nilai kenderaan pada kadar 20% setahun atas kos.
- (ii) Insurans yang dibayar sehingga 30 September 2020.
- (iii) Bil air tertunggak RM125.

Berapakah modal kerja?

- A RM39 208
- B RM41 355
- C RM180 854
- D RM186 890

- 15 Berikut merupakan maklumat daripada Kedai Runcit Harmoni pada 31 Disember 2019. Untung kasar bagi kedai tersebut ialah RM25 505.

	RM
Modal awal	55 600
Kenderaan	35 500
Faedah diterima	250
Gaji pekerja	3 550
Ambilan	755
Kadar bayaran	765

Susut nilai kenderaan pada kadar 20% setahun mengikut kaedah garis lurus.

Berdasarkan maklumat di atas, manakah yang benar?

- A Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019
(Petikan Ekuiti Pemilik)

	EKUITI PEMILIK	(RM)
Modal awal		55 600
(-) Rugi bersih		14 340
		41 260
(-) Ambilan		755
Modal akhir		40 505

- B Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019
(Petikan Ekuiti Pemilik)

	EKUITI PEMILIK	(RM)
Modal awal		55 600
(-) Rugi bersih		14 340
		41 260
(+) Ambilan		755
Modal akhir		42 260

- C Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019
(Petikan Ekuiti Pemilik)

	EKUITI PEMILIK	(RM)
Modal awal		55 600
(+) Untung bersih		14 340
		69 940
(-) Ambilan		755
Modal akhir		69 185

- D Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019
(Petikan Ekuiti Pemilik)

	EKUITI PEMILIK	(RM)
Modal awal		55 600
(+) Untung bersih		14 340
		69 940
(+) Ambilan		755
Modal akhir		70 695

- 16 Sewa premis bagi Dila Enterprise ialah RM1 500 sebulan. Pada akhir tempoh perakaunan, pemilik telah membayar sewa sebanyak RM20 000. Tempoh perakaunan bagi Dila Enterprise adalah setahun.

Pilih padanan yang betul.

	Akaun Untung Rugi	RM	Penyata Kedudukan Kewangan	RM
A	Sewa	18 000	Sewa belum bayar	2 000
B	Sewa	18 000	Sewa prabayar	2 000
C	Sewa	20 000	Sewa belum bayar	2 000
D	Sewa	20 000	Sewa prabayar	2 000

- 17 Kesilapan manakah yang tidak ketara dalam Imbangan Duga?
- A Bayaran gaji RM600 secara tunai hanya direkodkan dalam Buku Tunai.
 B Diskaun diberi RM70 telah direkodkan dalam Akaun Diskaun diterima.
 C Jualan secara kredit RM255 telah direkodkan dengan RM225 dalam Akaun Jualan.
 D Belian alatan pejabat RM500 dengan cek telah direkodkan dalam Akaun Belian.
- 18 Maklumat berikut diperolehi daripada Penyata Kedudukan Kewangan Perniagaan Haikal pada 31 Disember 2019.

	RM
Aset bukan semasa	120 000
Aset semasa	80 700
Liabiliti bukan semasa	49 500
Liabiliti semasa	25 000

Berapakah nisbah semasa?

- A 1.49 : 2
 B 2.47 : 1
 C 2.69 : 1
 D 3.23 : 1
- 19 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kedai Rais pada 31 Disember 2019.

	RM
Inventori pada 1 Januari 2019	6 800
Inventori pada 31 Disember 2019	3 400
Jualan	35 000
Untung kasar adalah 20% daripada jualan	

Berapakah kadar pusing ganti inventori perniagaan berkenaan?

- A 2.74 kali
- B 5.49 kali
- C 6.86 kali
- D 8.24 kali

- 20 Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat Lailee bagi tahun berakhir 31 Disember 2019. Telegram @soalanpercubaanspm

	RM
Akaun belum terima	12 800
Akaun belum bayar	10 500
Jualan kredit	58 250
Jualan tunai	22 900

Berapakah tempoh kutipan hutang Syarikat Lailee?

- A 58 hari
- B 81 hari
- C 105 hari
- D 146 hari

- 21 Antara berikut, yang manakah menyebabkan rekod perakaunan tak lengkap?

- I Rekod perakaunan musnah atau hilang.
- II Catatan urus niaga tidak dibuat langsung.
- III Merekod menggunakan sistem catatan bergu.
- IV Dokumen sumber urus niaga disimpan secara sistematik.

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 22 Data berikut diambil daripada Perniagaan Muafakat.

	RM
Untung bersih	20 000
Ambilan	5 000
Modal awal	6 300
Modal tambahan	540

Berapakah modal akhir Perniagaan Muafakat?

- A RM10 760
- B RM14 460
- C RM20 760
- D RM21 840

23 Apakah kepentingan penyediaan Belanjawan Tunai?

- A Mengurus perbelanjaan mengikut keutamaan.
- B Mengenalpasti ketepatan catatan di Buku Tunai.
- C Jaminan perniagaan memperoleh pembiayaan bank.
- D Mengurangkan risiko penyelewengan dan kecurian tunai.

24 Puan Suraya bercadang memulakan projek tanaman limau bali pada Januari 2019. Maklumat berikut diperoleh daripada belanjawan tunai beliau.

	RM
Modal :	
Tunai di bank	60 000
Peralatan	28 000
Jumlah Penerimaan	87 000
Jumlah Pembayaran	52 000
Lebih / (Kurangan)	35 000

Berapakah baki akhir bulan Januari 2019?

- A RM88 000
- B RM95 000
- C RM130 000
- D RM158 000

25 Jika Ikatan Perkongsian tidak dibuat, Akta Perkongsian 1961 menyatakan

- A Nisbah pembahagian untung rugi mengikut nisbah modal.
- B Faedah atas modal 8% setahun.
- C Pekongsi tidak menerima gaji.
- D Tiada faedah atas pinjaman.

26 Antara berikut, pernyataan yang manakah benar tentang Akaun Semasa Pekongsi?

- I Tuntutan perkongsian terhadap pekongsi ditunjukkan di bahagian debit Akaun Semasa.
- II Tuntutan perkongsian terhadap pekongsi ditunjukkan di bahagian kredit Akaun Semasa.
- III Tuntutan pekongsi terhadap perkongsian ditunjukkan di bahagian debit Akaun Semasa.
- IV Tuntutan pekongsi terhadap perkongsian ditunjukkan di bahagian kredit Akaun Semasa.

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 27 Maklumat di bawah ini berkenaan dengan butir-butir Akaun Semasa Pekongsi Helmi.

2019		RM
Jan 1	Baki b/b	(700)
Dis 31	Ambilan	1 150
	Faedah atas modal	800
	Faedah atas ambilan	70
	Faedah atas pinjaman belum bayar	210
	Gaji pekongsi Helmi belum bayar	900
	Kongsi untung	2 200

Berapakah baki Akaun Semasa Pekongsi Helmi pada 31 Disember 2019?
Telegram @soalanpercubaanspm

- A RM1 980
B RM2 190
C RM2 690
D RM3 590
- 28 Antara berikut, manakah sebab pembubaran perkongsian?
- I Pekongsi membawa masuk modal tambahan.
II Berlaku kematian kepada salah seorang pekongsi.
III Arahan mahkamah untuk membubarkan perkongsian.
IV Salah seorang pekongsi mendapat kerugian daripada perkongsian.
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 29 Mia dan Soffi ialah pekongsi-pekongsi dalam sebuah perkongsian. Pada 31 Disember 2019, mereka bersetuju untuk membubarkan perkongsian itu. Pada tarikh tersebut, jumlah aset ialah RM25 000 dan jumlah liabiliti ialah RM1 000. Semua aset telah direalis dengan RM27 000 dan liabiliti telah dijelaskan sepenuhnya. Belanja realisasi ialah RM600.

Berapakah untung realisasi perkongsian tersebut?

- A RM1 400
B RM2 000
C RM2 400
D RM2 600

30 Apakah dokumen yang mengandungi maklumat berkaitan penubuhan dan pengurusan syarikat?

- A Ikatan Perjanjian
- B Notis Penubuhan
- C Notis Pemeralbadanan
- D Perlembagaan Syarikat

31 Pasangan manakah yang benar?

	Syer Keutamaan	Syer Biasa
I	Pemegang syer menerima dividen tidak tetap.	Pemegang syer menerima dividen tetap.
II	Pemegang syer menerima dividen sebelum pemegang Syer Biasa.	Pemegang syer menerima dividen selepas pemegang Syer Keutamaan.
III	Pemegang syer menuntut hak sebelum pemegang Syer Biasa semasa syarikat muflis.	Pemegang syer menuntut hak selepas pemegang Syer Keutamaan semasa syarikat muflis.
IV	Pemegang syer berhak mengundi.	Pemegang syer tidak berhak mengundi.

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

32 Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh Syarikat ABC Berhad terdiri daripada 200 000 unit 6% Syer Keutamaan RM2.00 sesyer dan 500 000 unit Syer Biasa RM1.00 sesyer. Syarikat telah memperuntukkan RM100 000 untuk pembayaran dividen.

Berapakah jumlah dividen yang akan diperoleh oleh pemegang Syer Biasa?

- A RM12 000
- B RM24 000
- C RM76 000
- D RM88 000

33 Kelab Tennis Bukit Keteri mempunyai 150 orang ahli. Pada 1 Januari 2019, baki-baki berikut diperoleh daripada buku kelab.

	RM
Yuran belum terima	620
Yuran belum terperoleh	250

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2019, kelab ini menerima yuran sebanyak RM5 700. Jumlah ini termasuk RM150 yang diterima bagi tahun 2020.

Berapakah jumlah yuran yang sepatutnya diterima pada tahun 2019?

- A RM5 180
- B RM5 700
- C RM4 900
- D RM4 840

34 Berdasarkan jadual di bawah, pilih padanan yang betul bagi perbelanjaan hasil dan perbelanjaan modal bagi Kelab Golf Dato'Jaafar Hassan.

	Belanja Hasil	Belanja Modal
A	Akhbar dan Majalah	Piala Pusingan
B	Kadar Bayaran	Derma khas untuk membina Rumah Kelab
C	Alatan Sukan	Derma
D	Honorarium	Jualan Aset Bukan Semasa

35 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kelab Renang Bukit Jerneh.

	RM
Aset Bukan Semasa	
Perabot	17 000
Alatan	4 500
	21 500
Aset Semasa	
Bank	5 000
Yuran Belum Terima	250
	5 250
Liabiliti Semasa	
Akaun Belum Bayar	1 700
Yuran Belum Terperoleh	500
	2 200

Berapakah dana terkumpul kelab tersebut?

- A RM21 500
- B RM24 550
- C RM26 750
- D RM28 950

36 Apakah tujuan penyediaan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan?

- A Mengira baki akhir bank
- B Mengira baki akhir tunai
- C Mengira untung kantin
- D Mengira lebihan

- 37 Berikut adalah maklumat yang diperoleh daripada buku Kilang Batik Guar Medang. Telegram @soalanpercubaanspm

	RM
Inventori awal bahan langsung	3 000
Belian bahan langsung	4 500
Angkutan masuk bahan langsung	350
Duti atas belian bahan langsung	200
Upah buruh langsung	1 000
Inventori akhir bahan langsung	2 400
Sewa kilang	1 200
Royalti	700

Berapakah kos prima kilang berkenaan?

- A RM5 650
 B RM6 650
 C RM7 350
 D RM9 750
- 38 Maklumat berikut diperoleh daripada Kilang Zulhilmi.

	RM
Inventori Akhir Barang siap	2 300
Kos overhed	3 500
Upah langsung	1 900
Kos bahan langsung	2 700
Hak Cipta	300
Kerja dalam proses awal	210
Kerja dalam proses akhir	180

Berapakah kos pengeluaran untuk kilang tersebut?

- A RM6 130
 B RM8 430
 C RM10 730
 D RM11 090
- 39 Apakah kegunaan analisis titik pulang modal?
- A Menentukan kos pengeluaran firma.
 B Menentukan tahap pengeluaran untuk mencapai keuntungan.
 C Merancang pengeluaran untuk memenuhi cita rasa pengguna.
 D Merancang strategi pemasaran untuk meningkatkan volum jualan.

- 40 Maklumat yang berikut berkaitan dengan pengeluaran susu kacang soya Kilang Soya Mesra.

	RM
Kos Tetap	3 000
Kos Berubah seunit	X
Harga Jualan Seunit	10

Titik pulang modal bagi pengeluaran susu kacang soya tersebut ialah 600 unit.

Berapakah nilai X?

- A RM5
- B RM10
- C RM15
- D RM20

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT